

SPRM sita lebih RM100j dari rumah bekas pegawai kanan Ismail Sabri

Orang kenamaan antara beberapa lagi individu akan dipanggil beri keterangan

Oleh Jassmine Shadiqe dan Ilah Hafiz Aziz
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Wang tunai lebih RM100 juta disyaki ada kaitan dengan dana politik, disita Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) ketika menggeledah sebuah rumah milik bekas pegawai kanan kepada Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob ketika menjadi Perdana Menteri ke-9.

Sumber berkata, wang berkenaan ditemui dalam beberapa

buah beg dan peti besi yang terletak dalam beberapa bilik di kediaman itu.

Selain wang tunai berkenaan, pasukan serbuan SPRM turut merampas dokumen, barang kemas dan peranti elektronik dari kediaman terbabit.

Serbuan terhadap kediaman itu dilakukan SPRM hasil siasatan berterusan dan pemantauan selama beberapa bulan terhadap dakwaan salah guna kuasa dan pengubahan wang haram membabitkan bekas pegawai kanan terbabit ketika era pentadbiran Ismail Sabri.

“Penyiasat sedang meneliti sumber wang tunai berkenaan, termasuk kemungkinan ada kaitan dengan dana politik, selain peranan dimainkan bekas pegawai kanan berkenaan terhadap dana yang dirampas itu,” kata sumber kepada *New Straits Times* (NST).

Kelmarin, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, meng-

2 Datuk antara 4 bekas pegawai kanan Ismail Sabri kena tahan



esahkan penahanan empat orang, termasuk dua bergelar Datuk yang berkhidmat sebagai pegawai kanan ketika pentadbiran Ismail Sabri sebagai Perdana Menteri.

Turut ditahan adalah bekas pegawai kanan yang kini menjadi pegawai eksekutif sebuah yaysan serta seorang wanita yang juga pembantu kepada pegawai bergelar Datuk itu.

Penahanan mereka dibuat SPRM mengikut Seksyen 16(a) Akta SPRM dan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Kega-

nasan, dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLA-TFPUAA).

“Mereka ditahan bagi membantu siasatan berhubung kemungkinan rasuah dan pengubahan wang haram,” kata Azam.

Walaupun tidak menyatakan jumlah sebenar wang yang terlibat, Azam dilaporkan berkata, ia adalah ‘jumlah yang besar’.

Panggil orang kenamaan

Sementara itu, ketika dihubungi *BH* semalam, Azam berkata, orang kenamaan adalah di antara beberapa lagi individu akan dipanggil memberi keterangan kepada suruhanjaya itu dalam tempoh terdekat.

Katanya, ketika ini, penyiasat SPRM sedang merakamkan keterangan daripada tiga suspek, termasuk dua bergelar Datuk yang masih dalam tahanan reman sehingga hari ini, selepas seorang wanita yang ditahan ber-

sama dibebaskan sejurus tempoh reman berakhir kelmarin.

“Ya, pastinya akan ada beberapa individu yang akan dipanggil kerana siasatan masih berjalan. Saksi-saksi ini akan dipanggil tidak lama lagi,” katanya yang enggan mengulas siapa saksi kenamaan berkenaan.

Beliau juga enggan mengulas mengenai rampasan wang tunai dalam jumlah yang besar dilakukan pegawainya dalam siasatan yang dijalankan setakat ini.

Pada Januari 2024, media melaporkan SPRM menjalankan siasatan berhubung isu penggunaan dana kerajaan berjumlah RM700 juta bagi tujuan promosi dan publisiti oleh pentadbiran kerajaan yang terdahulu.

SPRM ketika itu juga mendapatkan beberapa dokumen dari pada Kementerian Kewangan dan Jabatan Perdana Menteri (JPM) bagi meneliti bagaimana kelulusan serta perbelanjaan dana itu dibuat.